

Helaian Pendedahan Produk Kad Kelab ClubPlus

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk mengambil Kad Kelab ClubPlus UOB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd. ("Bank") Kad Kelab ClubPlus (PLC) Sah dari 15 Ogos 2016
1. Apakah produk ini?	
<p>Ini adalah satu program kad yang istimewa yang memudahkan kelab yang mengambil bahagian dalam menguruskan pengeluaran kad keahlian kelab, bil kepada ahli-ahli kelab dan bayaran yang belum diterima daripada ahli-ahli kelab. Bank, bagi pihak kelab yang mengambil bahagian, akan menyediakan Kad Kelab ClubPlus (PLC) kepada semua ahli kad kelab. PLC berfungsi sebagai kad keahlian serta kad caj, yang membenarkan ahli kelab untuk membuat bayaran bagi segala perbelanjaan di kelab dengan menggunakan akaun kadnya.</p>	
2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?	
<p>1. Had Kredit Sebaik mendapat pengesahan daripada kelab yang mengambil bahagian berkaitan kelayakan anda sebagai pemegang PLC, had kredit akan diperuntukkan oleh pihak bank. Anda akan menikmati 20 hari tempoh tanpa faedah dari tarikh penyata ("Tarikh Akhir Bayaran").</p> <p>2. Caj Kewangan Ahli Kad PLC yang tidak menjelaskan Jumlah Baki Yang Perlu Dibayar (Bayaran Penuh), caj kewangan 18% setahun akan dikenakan. Caj Kewangan akan dikenakan ke atas Jumlah Bayaran Perlu Dibayar untuk Transaksi Runcit, dikira berlandaskan dasar kiraan atas baki harian bermula dari tarikh transaksi diposkan ke akaun kad (jika semua Jumlah Bayaran Perlu Dibayar dalam Penyata Akaun bulan lepas tidak dijelaskan sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran berkenaan) atau tarikh seterusnya selepas Tarikh Akhir Pembayaran (jika semua baki tertunggak dalam Penyata Akaun bulan lepas dijelaskan sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran berkenaan) sehingga pembayaran balik sepenuhnya dibuat.</p>	
3. Apakah tanggungjawab saya?	
<p>Membuat pembayaran balik untuk transaksi yang dicaj/dibil pada atau sebelum tarikh pembayaran.</p> <p>Ahli Kad PLC mestilah membuat bayaran penuh untuk Jumlah Bayaran Perlu Dibayar, Caj Kewangan untuk Transaksi Runcit akan dikenakan bermula dari tarikh transaksi diposkan ke akaun Kad Kredit.</p>	
4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada Fi Tahunan dikenakan untuk Ahli Kad PLC. 2. Fi Penggantian Kad – RM50.00 untuk setiap penggantian PLC. 3. Fi permintaan penyata tambahan – RM5.30** untuk permintaan jumpa terus atau faksimili dan RM6.36** untuk permintaan melalui surat. 4. Fi dan caj lain: Pulangan Baki Kredit – RM2.12** untuk komisen dan RM0.15** untuk Cukai Setem. <p>**Termasuk GST</p>	
5. Jika saya gagal untuk menunaikan tanggungjawab saya	
<ul style="list-style-type: none"> • Caj penalti pembayaran lewat – 1% daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak pada tarikh penyata atau minimum RM5, mana yang lebih tinggi. • Hak untuk kontra kredit – Kami berhak untuk menolak sebarang jumlah kredit dalam akaun yang diamalkan dengan kami terhadap sebarang jumlah dalam akaun kad kredit ini. 	
6. Apakah risiko utama?	
<p>PLC beroperasi sebagai Kad Caj Kelab. Oleh itu, anda perlu untuk menyelesaikan baki jumlah keseluruhan kad sebelum tarikh tamat tempoh. Jika anda tidak menyelesaikan bayaran pada tarikh bayaran patut dibuat, anda akan dikenakan caj kewangan atas baki tertunggak.</p>	
7. Apakah harus saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat perhubungan?	
<p>Adalah mustahak untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.</p>	
8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Kad Kredit, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan tentang 'Kad Kredit' yang boleh didapati dari cawangan dan laman web www.bankinginfo.com.my</p> <p>Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:</p> <p>03-2612 8121 Kuala Lumpur 04-2401 121 Penang 07-2881 121 Johor Bahru 082-287 121 Kuching 088-477 121 Kota Kinabalu</p> <p>Faks: 03-2691 2121 Emel: uobcustomerservice@uob.com.my Laman web: www.uob.com.my</p>	
9. Produk Kad Kredit lain yang tersedia	
Kad Kredit dan Kad Komersil	
NOTA MUSTAHAK: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK BERTERUSAN UNTUK BAKI KAD KELAB CLUBPLUS ANDA.	